Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 6, e002871
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2871

RESEARCH ARTICLE

Capaian Talian Terhad: Tinjauan Faktor Pengukuhan Motivasi Pelajar di Pedalaman Sabah

(Limited Internet Access: A Review of Factors Strengthening Student Motivation in Rural Sabah)

Jacquelina Karimon[1*], Fadzilah Abdul Rahim[2], Steven Alezender[3]

[1]Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: jacquelina@usm.my
[2]Jabatan Pengajian Melayu, IPGM Kampus Ipoh, 31150 Hulu Kinta, Perak, Malaysia.
Email: fadzilah@ipgmipoh.edu.my
[3]Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: gs63579@student.upm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Jacquelina Karimon
(jacquelina@usm.my)

KATA KUNCI:
Motivasi pelajar
Capaian talian
Pedalaman Sabah
Faktor Pengukuhan

KEYWORDS:
Student Motivation
Internet Access
Rural Sabah
Strengthening Factors

CITATION:
Jacquelina Karimon, Fadzilah Abdul Rahim, & Steven Alezender. (2024). Capaian Talian Terhad: Tinjauan Faktor Pengukuhan Motivasi Pelajar di Pedalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(6), e002871. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2871

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran pelajar pedalaman dengan capaian internet yang terhad. Akses kepada sambungan internet yang boleh dipercayai terus menjadi cabaran di kawasan pedalaman Sabah, yang mempengaruhi keupayaan pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran digital dan pendidikan dalam talian. Kajian ini memfokuskan dua faktor iaitu faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mengukuhkan motivasi pelajar walaupun capaian internet terhad. Faktor intrinsik dipengaruhi oleh impian untuk mencapai cita-cita, menimbah ilmu baharu, pelajar yang sukakan cabaran dalam mencapai sesuatu dan mereka ingin mendapatkan markah cemerlang dalam akademik. Faktor ekstrinsik pula merangkumi sokongan daripada ibu bapa dan keluarga, motivasi diri, dorongan daripada pensyarah, inspirasi daripada tokoh pendidikan tempatan, dan pengaruh motivasi luaran lain. Melalui pendekatan campuran yang melibatkan soal selidik dan analisis data pelajar, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang memotivasi pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka. Dapatan kajian akan menyumbang kepada pembangunan strategi bersepadu untuk meningkatkan motivasi pelajar dan pencapaian akademik di pedalaman Sabah. Pemahaman terhadap faktor-faktor ini adalah penting untuk menangani cabaran unik yang dihadapi oleh pelajar di kawasan terpencil dan memastikan peluang pendidikan yang saksama untuk semua pelajar di seluruh negara.

ABSTRACT

This study aims to identify the factors influencing the

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

motivation of students in rural areas with limited internet access. Reliable internet connectivity remains a challenge in the rural regions of Sabah, affecting students' ability to engage in digital learning and online education. This study focuses on two factors: intrinsic and extrinsic factors that strengthen student motivation despite limited internet access. Intrinsic factors are influenced by the aspiration to achieve their goals, acquire new knowledge, enjoy challenges in achieving something, and desire to obtain excellent academic grades. Extrinsic factors include support from parents and family, self-motivation, encouragement from lecturers, inspiration from local educational figures, and other external motivational influences. Using a mixed-method approach involving surveys and student data analysis, this study aims to identify the factors that motivate students and their relationship with academic achievement. The findings of this study will contribute to the development of integrated strategies to enhance student motivation and academic performance in rural Sabah. Understanding these factors is crucial to addressing the unique challenges faced by students in remote areas and ensuring equitable educational opportunities for all students nationwide.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada analisis faktor-faktor intrinsik dan ektrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar di pedalaman Sabah. Kajian ini memberikan pengetahuan tentang cabaran capaian talian yang terhad yang dihadapi namun aspek-aspek seperti persekitaran pembelajaran, sokongan keluarga, dan kekuatan peribadi mampu memberikan pelajar pedalaman motivasi yang tinggi.

1. Pengenalan

Dalam era digital ini, akses kepada internet dipercayai adalah asas bagi pembelajaran moden. Kaedah pembelajaran ini membolehkan pelajar mengakses kemudahan peranti elektronik dan capaian internet melalui platform media sosial (Mazidah & Nor Aidawati, 2021). Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara online diharapkan membawa perubahan dalam dunia pendidikan. Walaupun kaedah pembelajaran ini semakin rancak namun cabaran ini masih ketara di kawasan pedalaman Sabah. Capaian internet yang lemah dan terhad telah mempengaruhi keupayaan pelajar untuk terlibat dalam pendidikan dalam talian dan pembelajaran digital. Mistirine (2020), dalam akhbar Berita Harian menyatakan bahawa 52% pelajar di negeri Sabah tidak mempunyai akses kepada kemudahan Internet. Latar Belakang masalah capaian talian di kawasan pedalaman Sabah sering menjadi isu dalam negara akibat masalah capaian talian yang terhad. Hal ini disebabkan oleh kekurangan infrastruktur telekomunikasi yang mencukupi. Masalah ini menyebabkan pelajar di kawasan tersebut menghadapi kesukaran dalam mengakses bahan pembelajaran digital dan mengikuti kelas dalam talian, terutamanya dalam situasi seperti pandemik COVID-19 di mana pembelajaran jarak jauh menjadi keperluan. Keterbatasan akses internet di kawasan pedalaman merupakan realiti yang dihadapi, sehubungan itu, pembelajaran menjadi faktor utama dalam meningkatkan motivasi belajar (Abdul Aziz & Aida Zuraina Mir, 2020). Kekurangan akses ini bukan sahaja menghalang proses pembelajaran tetapi juga memberi kesan negatif terhadap motivasi dan prestasi akademik pelajar.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kepentingan kajian mengenai motivasi pelajar dalam konteks ini adalah penting dan sangat diperlukan agar negara dapat bersedia untuk memberikan daya saing pada abad ini. Elemen melihat perkembangan motivasi pelajar juga dalam konteks capaian talian yang terhad adalah penting kerana motivasi adalah salah satu faktor utama yang menentukan kejayaan pembelajaran. Menurut Sardiman (2012), motivasi dapat didefinisikan sebagai keseluruhan daya penggerak dan pendorong di dalam diri pelajar. Motivasi menimbulkan kegiatan belajar yang menjamin kelangsungan dari kegiatan tercapai dengan baik. Pelajar yang bermotivasi cenderung untuk lebih gigih, berusaha keras, dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran. Motivasi adalah kunci yang membangkitkan semangat pelajar untuk mencapai sasaran pembelajaran mereka (Becker, Mcelvany & Kortenbruck, 2010). Dalam konteks pedalaman Sabah, memahami faktor-faktor yang boleh mengukuhkan motivasi pelajar adalah penting untuk merangka strategi yang dapat membantu mereka mengatasi kekangan capaian talian dan meningkatkan potensi akademik mereka. Selain itu, faktor ekonomi juga menyumbang kepada kebolehcapaian internet di pedalaman kerana masyarakat pedalaman masih jauh daripada arus pembangunan. Menurut Hawati dan Jarud Romadan (2020), Selain itu, terdapat keluarga miskin yang tidak mampu membeli data tambahan secara kerap untuk pembelajaran dalam talian, hingga ada ibu bapa yang terpaksa meminjam wang demi memastikan anak-anak mereka memiliki data yang cukup untuk belajar.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengkaji motivasi pelajar terhadap kesan capaian internet terhad di bahagian pedalaman Sabah. Oleh itu, objektif kajian ini secara khususnya adalah untuk:

i. Mengenal pasti faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah dengan capaian talian yang terhad.
ii. Menilai cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar, guru, dan ibu bapa dalam konteks pembelajaran dengan capaian talian yang terhad.
iii. Mencadangkan strategi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan, sekolah, dan komuniti untuk meningkatkan motivasi pelajar dan mengatasi masalah capaian talian.

2. Metod Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kaedah soal selidik berbentuk kuantitatif. Soal selidik diedarkan kepada 75 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pedalaman Sabah dalam kalangan Persatuan Mahasiswa Pensiangan Sabah. Responden termasuk bakal guru dari pelbagai latar tempat di pedalaman Sabah bermula daripada kawasan Kg. Ansip Keningau hingga ke kawasan pedalaman seperti Pensiangan, Pagalungan, Sook, Nabawan dan Sepulut. Pengumpulan data soal selidik dilakukan melalui platform *Google Form* berdasarkan Rajah 1, selaras dengan kemajuan teknologi dan untuk memudahkan data dikumpul dengan cepat dan tepat. Menurut Etikan dan Bala (2017) penggunaan borang soal selidik dipilih bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden. Data yang dikumpulkan melalui *Google Form* kemudian dianalisis dan diterjemahkan ke dalam bentuk carta pai dan graf untuk memudahkan pemahaman. Melalui pendekatan metodologi yang komprehensif ini, kajian ini berusaha untuk menjelaskan dengan terperinci faktor-faktor yang memotivasi

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelajar di kawasan pedalaman Sabah dan menawarkan cadangan yang praktikal untuk meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik mereka.

Rajah 1: Soal selidik melalui *Google Form*



Dapatan ini dibahagikan kepada dua bahagian tersedia dalam kajian ini iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A kajian ini adalah ingin melihat demografi responden dan bahagian B kajian ini adalah faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar dalam bentuk peratusan. Hamzah (2013), memberikan pandangan bahawa, terdapat dua faktor yang mendorong kepada motivasi belajar iaitu faktor luaran dan dalaman yang menyebabkan kepada perubahan tingkah laku.

2.1. Populasi dan Pensampelan Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar pedalaman Sabah di kawasan Pensiangan. Oleh itu, kajian ini diedarkan oleh Persatuan Mahasisiwa Pensiangan (PERMAP) yang dianggotai seramai 120 orang pelajar secara keseluruhannya. Persampelan rawak mudah merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini yang membuka ruang dan peluang kepada semua pelajar dalam PERMAP untuk terlibat dalam kajian ini. Bilangan sampel yang telah mengisi soal selidik ialah 75 orang pelajar iaitu lebih daripada separuh daripada bilangan ahli PERMAP.

2.2. Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik menggunakan platform Google Form. Isi kandungan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A: Demografi dan bahagian B: Faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

3. Hasil Kajian

Bahagian ini akan membincangkan dapatan hasil pungutan melalui *Google Form*. Jadual 1 menunjukkan demografi jantina pelajar yang telah dikutip.

Jadual 1: Bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang telah mengisi soal selidik


Jantina	Jumlah	Peratus	Peratus Kumulatif
Lelaki	24	32%	32%

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perempuan	51	68%	100%
Jumlah Keseluruhan	75	100%	

Berdasarkan analisis Rajah 2 dan Jadual 1 menunjukkan data kajian ini, seramai 25 orang lelaki dan 50 orang perempuan telah mengisi borang *Google Form* yang digunakan sebagai instrumen pengumpulan data kuantitatif. Responden terdiri daripada pelajar IPTA yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah. Mereka dipilih secara rawak untuk memastikan data yang telah dikutip seimbang dari segi jantina tanpa melihat latar belakang sosioekonomi. Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi soalan yang mengukur faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran digital walaupun menghadapi keterbatasan akses internet.

Rajah 2: Bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang telah mengisi soal selidik



Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mengenal pasti trend umum dalam motivasi pelajar. Dapatan awal menunjukkan bahawa kedua-dua jantina tidak seimbang memandangkan lebih ramai pelajar perempuan yang menyambung pelajaran di IPTA. Stastitik Pendidikan Tinggi 2021: Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan bilangan Kemasukan, Enrolmen dan Keluaran mengikut Jantina berdasarkan UA 2020-2021 trend menunjukkan bahawa jumlah jantina perempuan memang lebih tinggi daripada lelaki.

Oleh itu, didapati dalam analisis data kajian ini berdasarkan Jadual 2, seramai (80%) atau 60 orang pelajar berbangsa Murut telah mengisi borang *Google Form* yang digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Selain itu, (17.3%) atau 13 orang pelajar berbangsa Dusun turut serta dalam kajian ini. Terdapat juga (2.7%) atau 2 orang pelajar daripada bangsa lain-lain yang memberikan maklum balas mereka. Dalam analisis data kajian ini, seramai (80%) atau 60 orang pelajar berbangsa Murut telah mengisi borang *Google Form*, menunjukkan bahawa bangsa Murut merupakan kumpulan etnik majoriti di kawasan pedalaman khususnya bahagian Pensiangan Sabah yang terlibat dalam kajian ini. Selain itu, (17.3%) atau 13 orang pelajar berbangsa Dusun turut serta dalam kajian ini, diikuti oleh (2.7%) atau 2 orang pelajar daripada bangsa lain-lain. Taburan demografi ini mencerminkan komposisi etnik di kawasan pedalaman kawasan Pensiangan Sabah, di mana bangsa Murut mendominasi populasi penduduk. Hasil kutipan demografi bangsa ini juga menunjukkan ramai masyarakat Murut yang mendiami kawasan pedalaman Sabah mempunyai masalah untuk mengakses internet. Mereka banyak terlepas peluang untuk mengakses pendidikan secara fleksibel.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pembelajaran dalam talian merupakan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses pembelajaran dan kepelbagaian mod mencapai pelajaran.

Jadual 2: Pembahagian demografi pelajar yang telah mengisi *Google Form* mengikut bangsa

Bangsa	Jumlah	Peratus	Peratus Kumulatif
Murut	60	80%	80%
Dusun	13	17%	97.3%
Lain-lain	2	2.7%	100%
Jumlah Keseluruhan	75	100%	

Seiring dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi pembelajaran berasaskan dalam talian semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kini. Abd Rahman dan Ismail (2010), berpendapat bahawa pembelajaran melalui media atas talian adalah satu kaedah yang memberi kebebasan bagi golongan pendidik, pelajar dan sesiapa sahaja untuk menimba ilmu tanpa mengira tempat masa dan latar belakang. Berdasarkan dapatan kajian yang diukur menggunakan peratusan, Jadual 3 menunjukkan bahawa faktor intrinsik yang paling memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah untuk belajar semasa menghadapi capaian internet yang terhad ialah mereka mempunyai cita-cita dan ingin memenuhi impian untuk mencapai cita-cita tersebut, taburan peratusan ini dicapai dengan skor nilai tertinggi iaitu sebanyak (41.3%). Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada pelajar yang mengisi borang *Google Form* sangat dipengaruhi oleh keinginan mereka untuk mencapai matlamat peribadi dan aspirasi masa depan.

Jadual 3: faktor intrinsik yang paling memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah

Faktor	Jumlah	Peratus	Peratus Kumulatif
Memenuhi impian untuk mencapai cita-cita	31	41.3%	41.3%
Menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu	10	13.3%	54.7%
Sukakan cabaran dalam mencapai sesuatu	5	6.7%	61.3%
Ingin mendapat markah yang cemerlang dalam peperiksaan	29	38.7%	100%
Jumlah	75	100%	

Faktor ini menjadi pilihan ramai kerana beberapa sebab utama. Pertama, pelajar di kawasan pedalaman sering kali menghadapi pelbagai cabaran dan kekurangan dari segi kemudahan pendidikan dan infrastruktur. Oleh itu, impian untuk mencapai cita-cita menjadi motivasi kuat untuk mengatasi halangan-halangan ini. Mereka berusaha lebih keras kerana mereka sedar bahawa pendidikan adalah kunci untuk memperbaiki taraf hidup dan mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Seterusnya, faktor ini juga disebabkan oleh kesedaran dalam diri pelajar. Hidup di kawasan pedalaman banyak kekurangan yang dihadapi dalam masyarakat yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang rendah, pelajar melihat pencapaian akademik sebagai jalan keluar dari kitaran kemiskinan. Impian untuk mencapai cita-cita seperti menjadi doktor, jurutera, atau guru memberi mereka tujuan yang jelas dan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

memberi semangat untuk terus belajar walaupun menghadapi keterbatasan akses internet dan sumber pendidikan lain. Cita-cita ini juga sering dipengaruhi oleh cerita kejayaan dari individu yang berjaya keluar dari komuniti mereka dan mencapai kejayaan besar.

Selain itu, sokongan daripada keluarga dan komuniti juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh motivasi intrinsik ini. Ibu bapa dan keluarga yang kerap menanamkan nilai-nilai kepentingan pendidikan dan menggalakkan anak-anak mereka untuk mempunyai cita-cita tinggi. Mereka mungkin tidak mempunyai sumber material yang banyak, tetapi sokongan emosi dan moral yang diberikan adalah pendorong utama bagi pelajar.

Faktor budaya juga mempengaruhi motivasi intrinsik ini kepada keinginan pelajar memenuhi impian dan mencapai cita-cita yang tinggi. Dalam budaya Murut dan Dusun, yang merupakan etnik majoriti dalam kajian ini, terdapat nilai-nilai tradisional yang menghargai pencapaian dan kegigihan. Sebagai contoh kisah kepahlawanan yang diwarisi dalam cerita *headhunter* yang gigih mendapatkan kuasa sebahagian daripada jati diri mereka. Pendidikan dilihat sebagai cara untuk membawa kehormatan dan kebanggaan kepada keluarga dan komuniti. Oleh itu, pelajar-pelajar ini termotivasi untuk belajar keras dan mencapai impian mereka sebagai cara untuk membalas jasa ibu bapa dan meningkatkan status keluarga mereka.

Jadual 3 juga dengan jelas menunjukkan bahawa motivasi intrinsik, terutama memenuhi impian untuk mencapai cita-cita, adalah faktor utama yang menggerakkan pelajar di kawasan pedalaman Sabah untuk terus berusaha dalam pelajaran mereka. Oleh itu, dengan memahami sebab-sebab di sebalik pilihan faktor intrinsik ini, pihak berkuasa pendidikan dan penyedia perkhidmatan boleh merangka strategi yang lebih berkesan untuk menyokong dan meningkatkan motivasi pelajar, memastikan mereka terus bersemangat walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Selain itu, jadual 3 menunjukkan bahawa faktor intrinsik kedua tertinggi yang memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah ialah keinginan untuk mendapatkan markah cemerlang dalam akademik, dengan nilai sebanyak (38.7%). Faktor ini sangat signifikan dan memberi wawasan penting mengenai motivasi pelajar dalam usaha mereka mencapai kecemerlangan akademik.

Keinginan untuk mendapatkan markah cemerlang dalam akademik menjadi pilihan ramai pelajar kerana beberapa sebab utama. Pertama, pencapaian akademik yang tinggi sering kali dilihat sebagai penanda aras kejayaan dalam sistem pendidikan. Pelajar yang memperoleh markah cemerlang mendapat pengiktirafan daripada guru, rakan-rakan, dan keluarga, yang dapat meningkatkan keyakinan diri dan harga diri mereka. Pengiktirafan ini memberi dorongan kuat untuk terus berusaha dan mencapai prestasi yang lebih baik.

Bagi pelajar di kawasan pedalaman, pencapaian akademik yang tinggi adalah jalan utama untuk membuka peluang pendidikan yang lebih baik, seperti mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi yang berprestij. Ramai pelajar sedar bahawa prestasi akademik yang cemerlang boleh memberikan mereka akses kepada peluang yang mungkin tidak dapat mereka capai tanpa pencapaian tersebut. Ini termasuk peluang pekerjaan yang lebih baik dan kehidupan yang lebih stabil dan berjaya pada masa depan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dorongan dari keluarga dan komuniti juga memainkan peranan penting dalam motivasi pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik. Ibu bapa dan ahli keluarga sering kali menekankan kepentingan pendidikan dan menggalakkan anak-anak mereka untuk mencapai markah yang tinggi. Dalam banyak kes, keluarga di kawasan pedalaman mungkin melihat pendidikan sebagai jalan keluar dari kemiskinan dan cara untuk meningkatkan taraf hidup. Oleh itu, pelajar didorong untuk berusaha sebaik mungkin dalam akademik untuk memenuhi harapan keluarga mereka.

Di samping itu, persaingan sihat di kalangan rakan sebaya juga mendorong pelajar untuk mencapai markah cemerlang. Rasa persaingan ini boleh menjadi motivasi kuat apabila pelajar ingin membuktikan kemampuan mereka dan bersaing untuk mendapat pengiktirafan dan penghargaan. Guru dan pensyarah juga memainkan peranan penting dengan memberikan dorongan dan bimbingan yang berterusan kepada pelajar, membantu mereka menetapkan matlamat akademik yang tinggi dan mencapainya. Dapat dicermati dalam Jadual 3 ini menggariskan bahawa motivasi intrinsik untuk mendapatkan markah cemerlang dalam akademik adalah faktor utama kedua yang mendorong pelajar di kawasan pedalaman Sabah..

Jadual 4 menunjukkan bahawa faktor intrinsik ketiga tertinggi yang memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah ialah keinginan untuk menimba pengalaman baru, dengan nilai sebanyak (13.3%). Walaupun nilai ini berada di bawah nilai pertama dan kedua tertinggi sebelumnya, motivasi untuk menimba pengalaman baru masih memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelajar.

Jadual 4: faktor ekstrinsik yang paling memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah

Faktor	Jumlah	Peratus	Peratus Kumulatif
Dorongan daripada ibu bapa dan keluarga	35	46.7%	46.7%
Semangat yang lahir daripada diri sendiri	35	46.7%	93.3%
Dorongan daripada pensyarah	1	1.3%	94.7%
Inspirasi ikon pendidikan tempatan	3	4.0%	100%
Dipengaruhi motivasi lain-lain	1	1.3	
Jumlah	**75**	**100%**	

Keinginan untuk menimba pengalaman baru menjadi pilihan ketiga pelajar kerana beberapa sebab utama. Pertama, dalam konteks pelajar di kawasan pedalaman, di mana peluang untuk mengalami perkembangan dan aktiviti luar kelas mungkin terhad, keinginan untuk menimba pengalaman baru menjadi pemangkin untuk mengatasi kekangan tersebut. Pelajar-pelajar ini ingin meluaskan dunia mereka dan melihat dan mengalami lebih banyak daripada yang mereka hadapi dalam kehidupan harian mereka.

Selanjutnya, menimba pengalaman baru sering kali dianggap sebagai cara untuk memperluas pemahaman dan wawasan seseorang terhadap dunia. Pelajar yang ingin mengetahui lebih banyak tentang budaya, sains, seni, atau bidang lain mungkin merasa terdorong untuk mencari peluang baru untuk belajar dan terlibat. Dengan memperkaya diri dengan pengalaman baru, pelajar dapat membentuk pandangan yang lebih holistik dan menyeluruh mengenai kehidupan dan masyarakat.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Namun, berbanding dengan nilai pertama dan kedua tertinggi sebelumnya, keinginan untuk menimba pengalaman baru mungkin kurang ditekankan dalam kehidupan harian pelajar di kawasan pedalaman. Faktor mencapai cita-cita dan keinginan untuk mendapatkan markah cemerlang dalam akademik mungkin diberi lebih tumpuan kerana mereka berkaitan secara langsung dengan matlamat pencapaian peribadi dan akademik. Di samping itu, faktor-faktor ini juga sering kali mendapat sokongan dan dorongan yang lebih besar dari keluarga, guru, dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, keinginan untuk menimba pengalaman baru masih penting dalam pembangunan diri pelajar. Elemen ini membantu menggalakkan sikap terbuka terhadap pembelajaran dan memperkaya kehidupan mereka dengan pengalaman-pengalaman yang berharga. Dalam konteks pendidikan, pelajar yang aktif mencari peluang untuk menimba pengalaman baru mungkin lebih cenderung untuk berkembang secara holistik dan memiliki kepekaan yang lebih besar terhadap dunia di sekeliling mereka.

Jadual 3 ini memberi kita gambaran yang jelas tentang kepelbagaian motivasi intrinsik yang mempengaruhi pelajar di kawasan pedalaman Sabah. Walaupun nilai untuk keinginan menimba pengalaman baru berada di bawah nilai pertama dan kedua tertinggi sebelumnya, namun ianya tetap merupakan faktor penting dalam memahami aspirasi dan keperluan pelajar. Faktor-faktor intrinsik ini diharapkan membantu pihak berkuasa pendidikan merangka strategi yang lebih komprehensif dan menyeluruh untuk menyokong perkembangan pelajar secara holistik.

Dapatan hasil kajian ini mendapati bahawa berdasarkan skor pada Jadual 3 menunjukkan bahawa nilai terendah bagi faktor intrinsik yang memotivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah adalah sukakan cabaran dalam mencapai sesuatu, dengan hanya (6.7%). Walaupun nilai ini adalah yang terendah dalam jadual, namun dapatan ini memberikan gambaran penting akan wawasan tentang hala tuju dan keutamaan pelajar dalam mencapai matlamat mereka.

Pilihan faktor intrinsik ini merupakan yang terendah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, dalam konteks pelajar di kawasan pedalaman, mereka menghadapi cabaran dan halangan yang banyak, pelajar sukakan hal yang mencabar kerana kehidupan di pedalaman memang sedia mencabar. Pelajar-pelajar ini lebih cenderung untuk mencari jalan yang lebih mudah dan terjamin kejayaannya, berbanding dengan mencari cabaran yang mungkin membawa risiko kegagalan.

Perkara-perkara untuk menyukai cabaran mungkin kurang ditekankan dalam masyarakat yang lebih mengutamakan keselamatan dan kestabilan. Dalam kehidupan harian di kawasan pedalaman, pelajar mungkin lebih terdedah kepada tekanan untuk memastikan keperluan asas mereka dipenuhi, seperti mendapatkan pendidikan yang mencukupi dan membantu keluarga mereka. Oleh itu, mencari cabaran bukanlah keutamaan utama mereka.

Berbanding dengan nilai pertama, kedua, dan ketiga sebelumnya yang masing-masing mewakili aspirasi untuk mencapai cita-cita, keinginan untuk mendapatkan markah cemerlang dalam akademik, dan keinginan untuk menimba pengalaman baru, sukakan cabaran dianggap sebagai sesuatu yang lebih subjektif dan kurang konkrit. Faktor-faktor sebelumnya lebih mudah diukur dan dikenal pasti dalam konteks pendidikan formal, sementara sukakan perkara-perkara mencabar mungkin lebih bersifat peribadi dan berbeza mengikut individu.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Namun demikian, walaupun sukakan cabaran mendapat nilai terendah, ia tetap merupakan sebahagian daripada motivasi intrinsik yang mempengaruhi pelajar. Bagi sesetengah individu, mencari cabaran dalam mencapai sesuatu boleh menjadi sumber kepuasan dan pencapaian diri yang tinggi. Oleh itu, walaupun ia mungkin bukanlah keutamaan utama bagi kebanyakan pelajar di kawasan pedalaman, ia masih menjadi faktor yang relevan dalam memahami kompleksiti motivasi individu. Berdasarkan kepada faktor-faktor intrinsik ini, dapat diperhatikan bahawa pihak berkuasa pendidikan dan penyedia perkhidmatan mempunyai peluang untuk merangka strategi yang lebih sesuai bagi menyokong dan memupuk motivasi pelajar secara holistik. Setiap individu mempunyai keperluan dan keutamaan yang berbeza adalah penting untuk memastikan bahawa pendekatan pendidikan adalah inklusif dan merangkumi semua aspek pembangunan pelajar.

Faktor-faktor intrinsik ini membentuk asas motivasi dalaman yang kuat dalam diri pelajar. Motivasi yang bersumber dari impian, hasrat untuk menimba ilmu, kecintaan terhadap cabaran, dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan akademik berperanan penting dalam memastikan ketekunan dan kesungguhan pelajar dalam menghadapi cabaran pendidikan serta memperoleh kejayaan.

Hasil kajian ini juga memperlihatkan bahawa faktor ekstrinsik juga mempengaruhi motivasi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah dipengaruhi faktor ekstrinsik yang tinggi. Faktor luaran seperti dorongan daripada ibu bapa dan keluarga, semangat yang lahir daripada diri sendiri, dorongan dariapda pensyarah, inspirasi ikon pendidikan tempatan dan dipengaruhi motivasi luaran lain memberikan kesan positif ke atas diri mereka. Berdasarkan data soal selidik, dorongan ibu bapa dan keluarga menduduki peratusan tertinggi iaitu (46.7%). Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan keluarga dalam mempengaruhi keinginan dan semangat belajar pelajar. Terdapat beberapa alasan utama mengapa faktor ini menjadi yang tertinggi. Faktor ini boleh dianalisis melalui perspektif psikologi, sosiologi, dan ekonomi. Penemuan menunjukkan bahawa faktor persekitaran memiliki pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku dan motivasi pelajar dalam mengikuti proses pembelajaran, sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Chen et al. (2014) menyatakan motivasi ekstrinsik pelajar dipengaruhi oleh faktor keluarga, sementara gaya pembelajaran visual dan verbal mendominasi dalam pengalaman pembelajaran mereka.

Hasil kajian ini juga memperlihatkan bahawa faktor ekstrinsik juga mempengaruhi motivasi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar di kawasan pedalaman Sabah dipengaruhi faktor ekstrinsik yang tinggi. Faktor luaran seperti dorongan daripada ibu bapa dan keluarga, semangat yang lahir daripada diri sendiri, dorongan daripada pensyarah, inspirasi ikon pendidikan tempatan dan dipengaruhi motivasi luaran lain memberikan kesan positif ke atas diri mereka. Berdasarkan data soal selidik, dorongan ibu bapa dan keluarga menduduki peratusan tertinggi iaitu (46.7%). Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan keluarga dalam mempengaruhi keinginan dan semangat belajar pelajar. Terdapat beberapa alasan utama mengapa faktor ini menjadi yang tertinggi. Faktor ini boleh dianalisis melalui perspektif psikologi, sosiologi, dan ekonomi. Penemuan menunjukkan bahawa faktor persekitaran memiliki pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku dan motivasi pelajar dalam mengikuti proses pembelajaran, sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Chen et al. (2014) menyatakan motivasi ekstrinsik pelajar dipengaruhi oleh faktor keluarga, sementara

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

gaya pembelajaran visual dan verbal mendominasi dalam pengalaman pembelajaran mereka. Dari sudut psikologi, sokongan dan dorongan yang diberikan oleh ibu bapa dan keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan motivasi anak-anak mereka. Apabila ibu bapa menunjukkan minat yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak, ini akan meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar untuk berjaya dalam akademik. Kajian telah menunjukkan bahawa pelajar yang menerima sokongan emosional dari keluarga cenderung untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik di sekolah. Dorongan ini boleh datang dalam bentuk pujian, bimbingan, dan perhatian terhadap kemajuan akademik mereka, yang semuanya membantu meningkatkan harga diri dan motivasi intrinsik pelajar.

Secara sosiologi, keluarga merupakan unit sosial pertama yang membentuk nilai-nilai dan norma individu. Jika dilihat di kawasan pedalaman Sabah, hubungan kemasyarakatan mereka tidak dapat dinafikan sangat erat sekali. Ikatan yang erat ini disebabkan oleh persekitaran pelajar yang mempunyai hubungan keluarga yang kukuh. Komunikasi yang baik dan hubungan yang baik merupakan dorongan daripada keluarga yang sangat penting untuk mengawal dan membimbing keluarga. Keluarga sering kali berfungsi sebagai tempat utama di mana anak-anak menerima sokongan moral dan ajaran praktikal. Selain itu, dalam masyarakat yang mempunyai jaringan sosial yang rapat, kejayaan akademik sering kali dianggap sebagai pencapaian keluarga secara keseluruhan, bukan hanya individu. Oleh itu, dorongan keluarga bukan sahaja datang dari keinginan untuk melihat anak-anak mereka berjaya, tetapi juga dari aspirasi kolektif untuk meningkatkan status dan kebajikan keluarga dalam masyarakat.

Dari perspektif ekonomi, pendidikan sering dilihat sebagai jalan keluar dari kitaran kemiskinan. Ibu bapa di pedalaman Sabah menyedari bahawa pendidikan adalah kunci untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih baik dan mampu menaikkan martabat keluarga. Oleh itu, mereka memberikan dorongan yang kuat kepada anak-anak mereka untuk belajar meskipun menghadapi keterbatasan seperti akses internet yang terhad. Kesedaran ini mendorong keluarga untuk mencari jalan alternatif dalam menyokong pendidikan anak-anak mereka, seperti memberikan bahan bacaan, mengatur sesi belajar bersama, atau menghantar anak-anak ke pusat pembelajaran yang mungkin lebih jauh tetapi menawarkan akses yang lebih baik.

Gabungan faktor psikologi, sosiologi, dan ekonomi ini menjelaskan mengapa dorongan ibu bapa dan keluarga menjadi faktor ekstrinsik yang paling berpengaruh dalam memotivasi pelajar di pedalaman Sabah. Dorongan ini tidak hanya berupa motivasi verbal tetapi juga boleh melibatkan tindakan nyata seperti menyediakan kemudahan belajar, memastikan anak-anak mempunyai waktu dan ruang yang sesuai untuk belajar, dan mengawal selia penggunaan teknologi yang ada untuk pendidikan. Dorongan dari keluarga membantu mengatasi cabaran kekurangan akses internet dengan menciptakan lingkungan belajar yang positif dan mendukung.

Oleh itu, dorongan ibu bapa dan mempunyai peranan yang besar dalam memotivasi pelajar pedalaman Sabah untuk terus belajar meskipun menghadapi keterbatasan akses internet. Ini disebabkan oleh pengaruh psikologi yang meningkatkan keyakinan diri, faktor sosiologi yang menekankan nilai pendidikan dalam konteks masyarakat, dan motivasi ekonomi yang menganggap pendidikan sebagai jalan keluar dari kemiskinan. Oleh itu, peranan keluarga tidak boleh dipandang ringan dan harus menjadi fokus utama dalam usaha untuk meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar di kawasan pedalaman. Dorongan dan sokongan yang melibatkan keluarga dapat

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membantu mengatasi cabaran ini dan memberikan peluang yang lebih baik kepada pelajar untuk berjaya.

Selain dorongan daripada ibu bapa dan keluarga, semangat yang lahir daripada diri sendiri juga merupakan faktor ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar pedalaman Sabah untuk belajar walaupun menghadapi keterbatasan akses internet. Pelajar yang bermotivasi tinggi cenderung memiliki dorongan yang kukuh dan tekad untuk terus menggemari apa yang dipelajari, dipacu oleh insentif dan motif pembelajaran yang mereka terima (Nasir & Hamzah, 2014). Berdasarkan soal selidik, semangat ini mencatat peratusan yang sama tinggi iaitu (46.7%). Peratusan ini menunjukkan bahawa motivasi intrinsik yang digerakkan oleh faktor-faktor luar memainkan peranan penting dalam keberhasilan akademik pelajar. Terdapat beberapa sebab mengapa semangat diri sendiri menjadi faktor kedua tertinggi.

Dari sudut psikologi, pelajar yang memiliki semangat diri sendiri biasanya mempunyai tujuan dan aspirasi yang jelas. Mereka merupakan golongan yang menyedari pentingnya impak pendidikan dalam mencapai cita-cita dan memahami bahawa usaha dan kerja keras diperlukan untuk mengatasi cabaran. Faktor psikologi ini sering kali dipengaruhi oleh pengaruh eksternal seperti orang-orang di sekitar mereka, lingkungan keluarga, guru, atau tokoh masyarakat yang dihormati. Ketika pelajar melihat orang lain berjaya melalui pendidikan, mereka termotivasi untuk meniru dan mencapai kejayaan yang sama.

Walaupun semangat diri sendiri kelihatan sebagai motivasi intrinsik, ia sering kali dipicu oleh faktor ekstrinsik. Misalnya, penghargaan dari guru, pengiktirafan dalam komuniti, atau bahkan bantuan kewangan dari biasiswa dapat menjadi pemicu bagi pelajar untuk membangun semangat diri mereka. Motivasi ini bisa dikatakan sebagai motivasi intrinsik yang digerakkan oleh dorongan luar, di mana pelajar akan menggerakkan dorongan eksternal menjadi semangat peribadi.

Lingkungan sekolah juga berperanan dalam membentuk semangat diri pelajar. Guru yang inspiratif, program pembelajaran yang menarik, dan kegiatan luar yang memupuk bakat dan minat pelajar dapat meningkatkan motivasi mereka. Dalam konteks pedalaman Sabah, walaupun fasiliti mungkin terhad, kehadiran guru yang berdedikasi dan komuniti sekolah yang mendukung dapat menumbuhkan semangat belajar yang kuat dalam diri pelajar. Budaya dan nilai masyarakat setempat juga berperanan dalam membentuk semangat diri pelajar. Dalam banyak budaya, termasuk di Sabah, terdapat nilai-nilai yang mengutamakan ketekunan dan kerja keras. Pelajar yang tumbuh dalam lingkungan yang menghargai pendidikan dan usaha sering kali mengembangkan semangat diri yang kuat untuk mencapai keberhasilan akademik.

Dapatan hasil kajian menunjukkan inspirasi dari ikon pendidikan tempatan juga merupakan faktor ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar pedalaman Sabah untuk belajar meskipun akses internet terhad. Walaupun hanya mencatat 4.0 peratus. Faktor ini tetap menjadi yang ketiga tertinggi. Faktor ini menunjukkan pentingnya contoh teladan dalam membentuk aspirasi dan motivasi pelajar. Berikut adalah beberapa alasan mengapa inspirasi dari ikon pendidikan tempatan menjadi faktor penting.

Ikon pendidikan tempatan sering kali berfungsi sebagai teladan positif yang menunjukkan kepada pelajar bahawa kejayaan melalui pendidikan adalah boleh dicapai

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

oleh setiap individu meskipun dalam keadaan yang mencabar. Melihat seseorang yang berasal dari latar belakang yang serupa dan telah mencapai kejayaan melalui pendidikan memberikan pelajar keyakinan bahawa mereka juga mampu meraih kejayaan yang sama. Ikon ini tidak hanya mewakili kejayaan, tetapi juga perjalanan dan usaha yang diperlukan untuk mencapainya, yang dapat menginspirasi pelajar untuk meniru dan berusaha lebih keras.

Secara psikologis, ikon pendidikan tempatan memberikan dorongan moral dan emosional kepada pelajar. Kehadiran mereka sebagai panutan dapat mengurangi rasa putus asa dan meningkatkan keyakinan diri. Ikon pendidikan juga sering kali memberikan nasihat, bimbingan, dan motivasi langsung kepada pelajar, baik melalui pertemuan, ceramah, atau media sosial. Hal ini membantu pelajar merasa lebih didukung dan termotivasi untuk mengejar tujuan akademik mereka. Ikon pendidikan tempatan memiliki relevansi dan kedekatan yang lebih kuat dibandingkan dengan tokoh nasional atau internasional. Pelajar dapat lebih mudah mengidentifikasi diri mereka dengan ikon tempatan karena mereka berbagi konteks budaya, bahasa, dan pengalaman yang serupa. Kedekatan ini membuat inspirasi dari ikon tempatan lebih berkesan dan bermakna dalam membangun motivasi.

Selain memberikan inspirasi langsung, ikon pendidikan tempatan juga seringkali dihormati dan diakui oleh komuniti setempat. Pengakuan sosial ini menambah nilai pada pencapaian akademik dan memberikan motivasi tambahan bagi pelajar untuk mengejar pendidikan sebagai jalan untuk meraih penghargaan dan status sosial dalam komuniti mereka. Ikon pendidikan juga dapat memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang cintakan ilmu dan membawa mereka kepada pendidikan. Ikon pendidikan tempatan menyumbang untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap pentingnya pendidikan dalam kalangan masyarakat.

Faktor dorongan daripada pensyarah dan motivasi lain-lain mencatat peratusan yang sama, iaitu (1.0%), dalam soal selidik yang mengukur motivasi pelajar pedalaman Sabah untuk belajar walaupun menghadapi keterbatasan akses internet. Walaupun hanya (1.0%), analisis ini tetap penting kerana faktor-faktor ini juga menyumbang kepada motivasi pelajar. Terdapat beberapa alasan mengapa faktor-faktor ini mencatat peratusan yang rendah. Di kawasan pedalaman, pelajar mungkin menghadapi keterbatasan dalam interaksi langsung dengan pensyarah. Keterbatasan akses internet membuatkan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian kurang berkesan, mengurangkan peluang untuk mendapatkan dorongan yang berkesan daripada pensyarah. Hal ini menyebabkan pelajar kurang mendapat perhatian peribadi yang boleh memberikan dorongan yang kuat. Hal ini kerana tenaga pengajar berperanan memotivasikan pelajar (Nasir & Hamzah, 2014).

Dalam konteks motivasi ekstrinsik, peranan pensyarah mungkin dilihat kurang penting dibandingkan dengan keluarga dan ikon tempatan yang lebih dekat dengan kehidupan sehari-hari pelajar. Pensyarah mungkin dilihat lebih sebagai penyampai ilmu daripada sumber inspirasi dan dorongan emosional. Ini membuktikan bahawa pelajar banyak menimba pengalaman secara langsung melalui pengalaman belajar dengan pensyarah.

Motivasi lain-lain yang dicatatkan dalam soal selidik mungkin merujuk kepada faktor-faktor yang tidak spesifik dan kurang jelas kepada pelajar. Ketidakjelasan ini menyebabkan pelajar kurang mengidentifikasi faktor tersebut sebagai dorongan yang kuat. Jika dilihat di kawasan pedalaman Sabah, faktor lokal seperti keluarga, ikon

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pendidikan tempatan, dan semangat diri mungkin lebih dominan dalam membentuk motivasi pelajar. Faktor-faktor lain yang mungkin relevan di konteks urban atau lebih maju tidak semestinya berpengaruh di kawasan pedalaman. Pelajar mungkin kurang menyedari atau kurang mengalami faktor-faktor motivasi lain yang dapat mempengaruhi mereka. Contohnya, program-program motivasi yang diadakan oleh NGO atau pihak luar mungkin tidak sampai atau tidak efektif di kawasan pedalaman, sehingga pengaruhnya di tahap yang minimum.

4. Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi motivasi pelajar pedalaman Sabah untuk mengutamakan pendidikan. Walaupun mereka menghadapi keterbatasan akses internet, implikasi dari penemuan ini adalah penting bagi pelbagai pihak, termasuk pendidik, pembuat dasar, dan komuniti setempat, dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik dan semangat belajar di kalangan pelajar. Dorongan daripada ibu bapa dan keluarga serta semangat yang lahir daripada diri sendiri, masing-masing mencatat peratusan tertinggi sebanyak (46.7%). Ini menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan motivasi pelajar harus melibatkan peranan aktif keluarga. Program pendidikan dan intervensi yang melibatkan ibu bapa, seperti bengkel pendidikan keluarga atau sesi kaunseling, dapat membantu meningkatkan sokongan rumah terhadap pendidikan anak-anak.

Motivasi intrinsik seperti memenuhi impian untuk mencapai cita-cita (41.3%) dan keinginan untuk mendapatkan markah cemerlang (38.7%) juga sangat penting. Ini menunjukkan bahawa pelajar di pedalaman Sabah memiliki aspirasi tinggi. Oleh itu, pendidik perlu memberikan bimbingan karier dan pendedahan kepada pelbagai peluang masa depan untuk membantu pelajar melihat nilai pendidikan dalam mencapai cita-cita mereka. Selain itu, pendekatan pengajaran yang menekankan pemahaman dan aplikasi pengetahuan, serta pengakuan prestasi akademik, dapat membantu mengekalkan dan meningkatkan motivasi intrinsik pelajar. Pelajar di pedalaman juga tidak dapat dinafikan mempunyai aspirasi yang kuat untuk berjaya dalam hidup. Zuki dan Mohamed (2016) menyokong dapatan ini dengan menyatakan pelajar pedalaman sememangnya mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk belajar.

Keinginan untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu (13.3%) menunjukkan bahwa pelajar memiliki rasa ingin tahu dan keterbukaan terhadap pembelajaran. Ini memberikan peluang bagi sekolah untuk memperkenalkan program pembelajaran yang inovatif dan berbasis proyek, yang dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan relevan. Meneroka kepada teknologi baharu, meskipun akses internet terbatas, dapat dilakukan melalui perpustakaan digital atau program yang berunsurkan media dengan institusi yang memiliki fasiliti lebih baik. Meskipun inspirasi dari ikon pendidikan tempatan (4.0%) dan dorongan daripada pensyarah (1.3%) mencatat peratusan yang lebih rendah, peranan mereka tidak boleh diabaikan. Ikon pendidikan dapat dijadikan model peranan dalam program motivasi dan seminar, sementara pensyarah perlu diberikan peluang untuk meningkatkan interaksi mereka dengan pelajar melalui program mentor dan menti yang lebih berkesan.

Berdasarkan hasil kajian ini, kebijakan dan program merakyatkan teknologi harus difokuskan sebagai cara sokongan keluarga di pedalaman, memperkuat motivasi intrinsik pelajar, serta memperkenalkan pendekatan pembelajaran yang menarik dan relevan. Kerajaan dan institusi pendidikan perlu bekerjasama untuk menyediakan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sumber daya dan fasiliti untuk pelajar-pelajar pedalaman menikmati akses pendidikan yang sama dengan kawasan lain.

5. Kesimpulan

Kajian tentang capaian talian terhad dan faktor pengukuhan motivasi pelajar di pedalaman Sabah mendedahkan beberapa perkara penting. Walaupun pelajar di kawasan ini menghadapi cabaran besar dengan akses internet yang terhad, terdapat faktor intrinsik dan ekstrinsik yang dapat memperkukuhkan motivasi mereka. Faktor intrinsik seperti impian peribadi, keinginan untuk menimba ilmu pengetahuan, suka kepada cabaran, dan hasrat untuk mencapai kecemerlangan akademik memainkan peranan penting dalam memotivasi pelajar. Sementara itu, faktor ekstrinsik seperti dorongan daripada ibu bapa dan keluarga, semangat yang timbul daripada diri sendiri, sokongan daripada pensyarah, dan inspirasi daripada ikon pendidikan tempatan turut menyumbang kepada peningkatan motivasi pelajar.

Penemuan ini mempunyai implikasi penting terhadap dasar pendidikan dan pelaksanaan program di kawasan pedalaman. Untuk meningkatkan motivasi dan prestasi akademik pelajar, adalah penting untuk memperbaiki infrastruktur telekomunikasi bagi memastikan capaian internet yang lebih baik. Selain itu, program pendidikan harus memberi tumpuan kepada pembangunan faktor intrinsik pelajar dan menyediakan sokongan serta pengiktirafan dari keluarga, pensyarah, dan komuniti. Secara keseluruhannya, pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar ini dapat membantu pihak berkuasa pendidikan merangka strategi dan dasar yang lebih efektif, memastikan setiap pelajar di pedalaman Sabah mendapat peluang pendidikan yang saksama dan berkualiti.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pelajar Persatuan Mahasiswa Pensiangan (PERMAP) yang telah memberikan kerjasama dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Sepanjang kajian ini dilaksanakan, tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini telah dilaporkan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abd Rahman, A. & Ismail, Z. (2010). *Pembangunan sistem sokongan pembelajaran kendiriatas talian bagi tajuk Statistik Ii*. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Aziz Ishak & Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat. (2020). Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan Dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistic Dan Pengurusan Rantaian Bekanalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan, 2*(4), 68-82.

Becker, M., Mcelvany, N., & Kortenbruck, M. (2010). Intrinsic and extrinsic reading motivation as predictors of reading literacy: A longitudinal study. *Journal of Educational Psychology*, *102*(4), 773–785.

Chen, U.R., Masek, A., & Amiruddin, M.H. (2014). Kajian gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pelajar diploma kejuruteraan di politeknik. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam PLTV (CiE-TVET) Mersing, Johor, Malaysia*.

Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection and Designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, *5*(6), 1-3.

Hamzah, B. U. (2011). *Teori Motivasi dan Pengukurannya*. Jakarta: Bumi Aksara.

Hawati Abdul Hamid & Jarud Romadan Khalidi. [2020, September 20]. Rapatkan Jurang Digital Elak Pelajar Tercicir. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/05/685352/rapatkan-jurang-digital-elak-pelajartercicir.

Mazidah Musa & Nor Aidawati Abdillah. (2021). Penggunaan Google Meet Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *International Journal of Modern Education, 3*(8), 104-113.

Mistirine Radin. [2020, September 20]. 52 Peratus Pelajar Sabah Tiada Akses Internet. Be*rita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686499/52-peratus-pelajar-sabah-tiada-akses-nternet.

Nasir, Z. M., & Hamzah, Z. A. (2014). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioural Sciences*, 134, 408-425.

Sardiman. (2012). *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar.* Jakarta: Rajawali Press.

Zuki, K. N., & Mohamed, W. M. (2016). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 24-33.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).